

Penghinaan kepada Raja-Raja

KUALA LUMPUR 24 April - Tindakan Menteri Luar, Datuk Saifuddin Abdullah menghina empat ahli akademik yang membentangkan hasil kajian kepada Majlis Raja-Raja dengan gelaran 'profesor kangkung' dianggap penghinaan kepada Raja-Raja Melayu.

Ini kerana, Saifuddin seolah-olah memberi gambaran bahawa Majlis Raja-Raja tidak mempunyai kredibiliti menerima nasihat daripada sekumpulan 'profesor kangkung'.

Mengulas mengenainya, Felo Penyelidik Utama Bersama Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), **Prof. Datuk Dr. Teo Kok Seong** berkata, gelaran buruk itu juga menguris hati keseluruhan komuniti profesor di negara ini.

"Sudah tentu (ia) satu penghinaan kepada Majlis Raja-Raja yang menerima nasihat empat orang ahli akademik ini.

"Saya fikir perkara ini boleh dibincang dan dibahas, tak perlu dikecam sedemikian rupa. Gelaran itu sedikit sebanyak



TEO KOK SEONG



AZMI HASSAN

memberi cerminan yang tidak baik kepada menteri itu sendiri," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau turut menyarankan supaya empat ahli akademik tersebut tampil dan memberi penjelasan berkenaan tindakan mereka.

Sementara itu, penganalisis politik, **Azmi Hassan** berkata, empat ahli akademik itu tidak melakukan kesalahan sebaliknya kumpulan yang menyokong Statut Rom yang gagal melaksanakan amanah untuk meyakinkan Majlis Raja-Raja supaya menerima perjanjian itu.

Kata beliau, gelaran tersebut juga menjatuhkan kewibawaan

kerajaan Pakatan Harapan (PH) yang sering melaungkan kepentingan memelihara kebebasan akademik dalam negara ini.

"Gelaran 'profesor kangkung' amat berleluasa semasa era kerajaan Barisan Nasional (BN) terhadap ahli akademik yang

menyokong kerajaan tapi ia lazim diutarakan orang awam, bukan yang berjawatan tinggi dalam parti politik atau menteri Kabinet. Lebih perit jika ia diluahkan oleh menteri yang pernah memegang portfolio pendidikan," katanya.

Saifuddin pernah menjadi Timbalan Menteri Pengajian Tinggi dari 2009 sehingga 2013, sebelum mengumumkan keluar UMNO dan menyertai PKR.

Bersetuju dengan pendapat Kok Seong, Azmi menganggap kenyataan Saifuddin menggambarkan betapa kurangnya keyakinan kerajaan terhadap Majlis Raja-Raja.